


**SEJARAH DAERAH JEMPOL: KEDATANGAN DAN PERKEMBANGAN
MASYARAKAT MINANGKABAU (1800-1980)**

**NOOR SHALIDA BINTI MOHD SHARIF
G 68622**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN
KEPUJIAN**

**JABATAN SEJARAH
PUSAT PENGAJIAN SEJARAH, POLITIK DAN STRATEGIK
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR
SESI 2003/2004**



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA.

**SEJARAH DAERAH JEMPOL: KEDATANGAN DAN PERKEMBANGAN
MASYARAKAT MINANGKABAU (1800-1980)**

DISEDIAKAN OLEH:

**NOOR SHALIDA BINTI MOHD SHARIF
G 68622**

Kertas Projek ini telah diterima oleh Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjanamuda Sastera (Dengan Kepujian) pada sesi 2003/2004

**Penyelia
(Prof Madya Dr. Khazin Bin Mohd. Tamrin)**

11-5-04

Tarikh

**Ketua Jabatan
(Prof Madya Dr. Khazin Bin Mohd. Tamrin)**

11-5-04

Tarikh

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

05 Mei 2004

NOOR SHALIDA BINTI MOHD SHARIF
G 68622

LATAR DIRI

Noor shalida binti Mohd Sharif dilahirkan pada 26 Disember 1980 di Hospital Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Palong Dua. Kemudiannya meneruskan pendidikan diperingkat sekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Palong Dua, sehingga tamat menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Seterusnya, beliau meneruskan pendidikan diperingkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia di Sekolah Tunku Abdul Rahman (STAR), Gemas, Negeri Sembilan. Tamatnya persekolahan beliau di sekolah berkenaan, kemudiannya beliau ditawarkan melanjutkan pelajaran diperingkat Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian iaitu di bawah Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia-Kolej Yayasan Melaka bagi sesi pengajian 2001/2004.

Tarikh

05 Mei 2004

Noor shalida binti Mohd Sharif

PENGHARGAAN



Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia serta keizinanNya telah menganugerahkan kekuatan dan keupayaan kepada penyelidik bagi menyiapkan Latihan Ilmiah ini dengan seadanya.

Penyelidik mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya. Dr. Khazin bin Mohd. Tamrin selaku penyelia yang telah banyak memberi dorongan, bimbingan, tunjuk ajar dengan kesabaran serta keyakinan yang diberikan untuk kesempurnaan kajian. Juga tidak dilupakan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Sejarah serta kakitangan Pusat Pengajian Sejarah, Politik & Strategi yang turut menghulurkan bantuan.

Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia serta Penghulu Daerah Jempol, En. Nazri bin Yunos. Seterusnya terima kasih juga kepada lain-lain pihak yang terlibat seperti Arkib Negara Malaysia, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, P. P. Cawangan Gemas, P.P Cawangan Bahau, Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM, Perpustakaan Jabatan Sejarah UKM, Jabatan kerajaan seperti Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan, Jabatan Perangkaan Negeri Sembilan, Pejabat Daerah dan Tanah Jempol serta penduduk-penduduk Daerah Jempol yang terlibat di dalam memberi kerjasama bagi melancarkan perjalanan kajian.

Penghargaan yang tidak terhingga khusus ditujukan kepada keluarga tercinta yang menjadi pendorong utama kejayaan. Kepada Ayahanda dan Bonda yang sentiasa mengiringi dengan doa, semangat, keyakinan dan sebagainya, tidak mungkin terhitung jasa yang telah kalian berikan bagi menempuh hari-hari yang mendatang sehingga ke saat ini.

Ucapan terima kasih juga tidak dilupakan kepada sahabat-sahabat seangkatan yang sama-sama berjuang menempuh cabaran dan dugaan sepanjang pengajian ini.

Sekian Terima Kasih.

NOOR SHALIDA BINTI MOHD SHARIF.
NO.448 PALONG DUA,
73450 GEMAS,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

ABSTRAK

Dalam Kertas Projek ini, penulis cuba untuk memaparkan tentang sejarah Daerah Jempol di Negeri Sembilan. Di samping itu juga penulis akan membicarakan mengenai kedatangan dan perkembangan masyarakat Minangkabau yang merupakan perantau dari Sumatera Barat, Indonesia. Pada bahagian pertama penulis akan mendedahkan mengenai Sejarah Hubungan Negeri Sembilan dengan Minangkabau serta faktor-faktor kedatangan mereka. Kedatangan mereka ke Negeri Sembilan dikatakan bermula sejak abad ke-14 lagi. Seterusnya, penulis akan memaparkan tentang latar belakang Daerah Jempol iaitu dari segi sejarah dan asal-usul nama Jempol. Manakala pada bahagian ke tiga, adalah mengenai sejarah penerokaan masyarakat Minangkabau ke Daerah Jempol. Pada bahagian ke empat, mengenai sosioekonomi dan perkembangan aktiviti masyarakat Minangkabau di Daerah Jempol. Bahagian yang terakhir pula adalah mengenai sistem politik masyarakat Minangkabau di Daerah Jempol.

KANDUNGAN**Halaman**

PENGAKUAN	II
LATAR DIRI	III
PENGHARGAAN	IV
ABSTRAK	V
KANDUNGAN	VI
SENARAI PETA	VII
SENARAI JADUAL	VIII
SENARAI GAMBAR	VIV
SENARAI KEPENDEKAN	VX

PENDAHULUAN

Pengenalan	1
Matlamat Kajian	2
Fokus Kajian	3
Kajian Lepas	4
Sumber Kajian	5
Masalah Kajian	8

BAHAGIAN SATU: SEJARAH HUBUNGAN NEGERI**SEMBILAN DENGAN MINANGKABAU.**

1.0 Pengenalan	10
1.1 Faktor-faktor yang merapatkan hubungan diantara negeri sembilan dengan minangkabau di	

SUMATERA.

1.1.1 FAKTOR LOKASI	11
1.1.2 PERSAMAAN BUDAYA MASYARAKAT	12
1.1.3 TRADISI MERANTAU	16
1.2 PROSES PENGHIJRAHAN MASYARAKAT MINANGKABAU KE NEGERI SEMBILAN	21
1.3 KESIMPULAN	26

BAHAGIAN DUA: LATAR BELAKANG DAERAH JEMPOL

2.0 PENGENALAN	27
2.1 SEJARAH JEMPOL	30
2.2 ASAL-USUL NAMA JEMPOL	31
2.3 KESIMPULAN	38

**BAHAGIAN TIGA: SEJARAH PENEROKAAN PENEMPATAN
DI JEMPOL.**

3.0 SEJARAH PENEROKAAN AWAL DI JEMPOL	40
3.1 SEJARAH PEMBUKAAN PENEMPATAN DI JEMPOL	43
3.2 SEJARAH LALUAN PENARIKAN DI JEMPOL	48
3.3 CARA MEMPEROLEHI TANAH	54
3.3 KESIMPULAN	58

**BAHAGIAN EMPAT: SOSIOEKONOMI MASYARAKAT
MINANGKABAU DI JEMPOL**

4.1 KEGIATAN EKONOMI MASYARAKAT MINANGKABAU DI JEMPOL	59
--	----

4.2 KEGIATAN SOSIAL MASYARAKAT	63
MINANGKABAU DI JEMPOL	
4.3 KESIMPULAN	69
 BAHAGIAN LIMA: STRUTUR POLITIK MASYARAKAT	
MINANGKABAU DI DAERAH JEMPOL.	
5.0 SISTEM POLITIK TRADISIONAL MASYARAKAT	70
JEMPOL	
5.1 PERANAN PENGHULU, LEMBAGA DAN BUAPAK	71
5.2 KESIMPULAN	75
 BAHAGIAN ENAM: KESIMPULAN	76
 LAMPIRAN	XIV
SENARAI RUJUKAN	XVII

SENARAI PETA

Peta 1: Kawasan Sumatera

Peta 2: Peta Lakar Sungai-sungai penting Laluan Adat
Perpatih ke Negeri Sembilan

Peta 3: Menunjukkan nama Negeri Minangkabau.

Peta 4: Mukim-mukim yang terdapat di Negeri Sembilan.

Peta 5 Kedudukan kampung-kampung di Daerah Jempol

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Jumlah Penduduk Mengikut Kaum di Daerah
Jempol pada tahun 1980

Jadual 2: Sekolah Melayu di Daerah Jempol pada abad Ke-19

Jadual 3: Masjid-masjid yang mengembangkan bidang
pendidikan di Daerah Jempol, Negeri Sembilan.

SENARAI GAMBAR

Gambar 1: Sekolah Pondok.

SENARAI KEPENDEKAN

JMBRAS The Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society

UKM Universiti Kebangsaan Malaysia.

P.P Perbadanan Perpustakaan

BAHAGIAN DUA: LATAR BELAKANG DAERAH JEMPOL

Pengenalan

Daerah Jempol secara rasminya terbentuk pada 1 Januari 1980 iaitu mengikut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 11(a) Kanun Tanah Negara. Daerah Jempol ini telah diwartakan oleh kerajaan Negeri Sembilan iaitu Pihak Berkuasa Negeri ini mengisytiharkan Daerah Jempol sebagai satu daerah dalam Negeri Sembilan mulai 1hb Januari 1980.¹¹ Jempol yang mempunyai keluasan 138,569.25 hektar adalah merupakan daerah yang terbesar di Negeri Sembilan iaitu 20.8% daripada keluasan keseluruhannya. Jempol yang mempunyai jumlah penduduk seramai 125,151 orang ini, terletak 55 km dari bandar Seremban dan berlokasi di bahagian timur Negeri Sembilan.

Di bahagian utara, daerah ini bersempadan dengan negeri Pahang, manakala di bahagian timurnya pula adalah bersempadan dengan negeri Johor. Di

¹¹ Negeri Sembilan, Akta 56 Tahun 1965: Penubuhan Daerah Jempol Dan Pecahan Kepada Mukim Dan Pekan (Kanun Tanah Negara), 1979, *Warta Kerajaan Negeri Sembilan*.

bahagian barat bersempadan dengan daerah Jelebu dan Kuala Pilah serta di bahagian selatan pula bersempadan dengan daerah Tampin.

Terdapat lima buah mukim yang bergabung membentuk daerah Jempol. Antara mukim-mukim tersebut ialah mukim Rompin, Serting Ulu, Serting Ilir, Jelai, dan Kuala Jempol. Rujuk peta 4. Namun begitu, mukim Rompin merupakan mukim yang mempunyai keluasan yang terbesar iaitu seluas 57,548.89 hektar. Kemudian diikuti pula dengan mukim Serting Ulu yang seluas 32,184 hektar, Serting Ilir 24,997.03 hektar, mukim Jelai 19,361.83 hektar dan yang terakhir ialah mukim Kuala Jempol iaitu seluas 4,477.50 hektar.

Manakala dari sudut geografi secara keseluruhannya daerah ini bertanah rata walaupun terdapat sedikit kawasan tanah tinggi di sebelah barat daerah ini. Dengan itu, tidak hairanlah kebanyakan penduduknya tinggal di kawasan-kawasan petempatan FELDA yang meliputi kawasan seluas 151,020.74 hektar iaitu 44% daripada keluasan daerah pada tahun 1991.

Menurut laporan daripada Pejabat Daerah Jempol pada tahun 1980, jumlah penduduk bagi daerah ini berjumlah 68,986 yang terdiri daripada 34,383 orang lelaki dan 34,503 orang perempuan. Daerah Jempol dihuni oleh pelbagai kaum. Dengan itu, dari komposisi kaum iaitu Melayu, Cina, India dan Lain-lain kaum yang terdapat di Negeri Sembilan di dalam jadual 1 menunjukkan bahawa jumlah terbesar ialah 42.7% iaitu kaum Cina. Kemudian diikuti oleh kaum Melayu sebanyak 39.2% dan India 18%.

Serting Hilir	1,011	4,066	1,289	2	6,368
Serting Hulu	8,034	1,035	544	3	9,616
Jumlah	27,058	29,427	12,444	55	68,986
Peratus	39.2%	42.7	18.0	0.1	100%

Sumber: Laporan daripada Pejabat Daerah Jempol, Negeri Sembilan..

2.1 SEJARAH JEMPOL

Jempol merupakan salah satu daripada lima luak yang terdapat dalam kawasan Tanah Mengandung. Setiap luak mempunyai sempadan-sem-padannya yang tertentu. Bagi luak Jempol sempadan kawasannya dapat dilihat berdasarkan kepada kata-kata dalam perbilangan adatnya iaitu, “Batas Muar, sepanjang Sungai Muar; Batas Jempol, sepanjang Sungai Jempol manakala Batas Johol, Sepanjang Sungai Jelai”.

Dengan itu dapatlah disimpulkan bahawa sempadan Jempol seperti yang dicatatkan di Balai Penghulu Luak Jempol adalah meliputi kawasan bahagian hulu sungai hingga ke kuala Sungai Jempol hingga kesempadan Pahang dan seterusnya kesempadan Johor. Antara kawasan-kawasan yang terlibat ialah Guntur, Tengkek, Tapak, Serting Ulu, Serting Hilir, Kuala Jempol, Bahau, Ayer Hitam, Keru, Jerjak, Sungai Talan, Sungai Jelutong, Sri Melenggang, Bukit Sempit, Palong, Bayai, Simpang Pertang, Paloh tetapi kini bernama Pasoh, Juasseh, Batu Kikir dan sebagainya.¹²

¹² A. Samad Idris, Abdul Muluk Daud, Haji Muhd Tainu & Norhalim Hj. Ibrahim, *Negeri Sembilan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram: Luak Tanah Mengandung*, Negeri Sembilan, Muzium Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Sembilan, 1994, hlm. 93.

Perkataan Jempol, menurut Kamus Dewan adalah bermaksud ‘ibu jari’ atau yang baik.¹³ Manakala kejempolan pula membawa maksud kehandalan serta keunggulan. Namun begitu, apakah yang dapat dikaitkan antara daerah Jempol di sebalik maksud tersebut. Sekiranya dilihat dan diteliti, daerah Jempol ini merupakan daerah yang terluas di Negeri Sembilan. Di samping itu, Jempol juga mempunyai tanah yang subur dan sangat sesuai dijadikan sebagai kawasan pertanian. Perkara ini terbukti, dari segi kegunaan tanah yang sebahagian besarnya diliputi oleh gunatanah pertanian seluas 111,500.27 hektar iaitu 80.46% daripada keluasan daerah.¹⁴

2.2 ASAL-USUL NAMA JEMPOL

Walau sebanyak mana andaian mengenai maksud Jempol ini, pada hakikat sebenarnya terdapat sejarah di sebalik perkataan tersebut. Jempol dikatakan mempunyai mitos serta legendanya yang tersendiri. Sebelum Jempol dinamakan sebagai Jempol, telah pun ada nama-nama lain yang telah digunakan untuk mengenalkan tempat ini. Nama yang pertama ialah Leban Condong, iaitu kini terletak di Kg. Terentang dalam Mukim Hulu Jempol. Manakala yang kedua pula ialah Danau Rasau yang terletak di Kg. Tengkek sekarang ini.¹⁵ Kedua-dua nama tersebut mempunyai cerita-cerita yang amat menarik iaitu berasal daripada nama penduduk disitu.

¹³ *Kamus Dewan*, Edisi 3, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000. hlm. 530.

¹⁴ *Kertas Taklimat Daerah Jempol*, Pejabat Daerah Jempol, Negeri Sembilan, 1996, hlm.

2.

¹⁵ A. Rahim bin Haji Ismail, Sebelum Jempol Bernama Jempol, *WARISAN*, Persatuan Melayu Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, 1990, hlm 13. (bil 14)

Nama Jempol yang diperoleh daripada Leban Condong adalah nama seorang anak pemuda berketurunan Orang Asli. Pemuda tersebut merupakan anak kepada seorang Datok Batin Orang Asli yang bernama Jempol. Jempol merupakan seorang pemuda yang gagah dan kuat, tetapi mempunyai sikap dan perangai yang tidak senonoh iaitu kuat nafsu seks. Dia sering mengganggu anak dan isteri penduduk setempat tanpa mengira sesiapa, asalkan berkenan dihatinya, akan terus diperkosa.

Seperti biasa pada waktu tengahari, Jempol akan mandi di sungai selepas mengerjakan ladang atau berburu. Dia akan terjun dari pokok leban yang condong dan mandi dengan sepuas-puasnya. Namun pada hari tersebut Jempol ditimpa malang, apabila sebaik sahaja dia terjun ke dalam sungai badannya telah tertikam ranjau-ranjau yang tajam lagi berbisa. Ranjau-ranjau tersebut dipasang oleh orang-orang kampung. Dengan itu, darahnya telah memancut keseluruh kawasan tersebut. Menurut cerita orang-orang tua, darahnya terpercik ke kawasan yang amat luas hingga menyebabkan tanah disekitarnya itu bertukar menjadi merah. Kini kawasan tersebut merupakan Kampung Terentang dan maka disebabkan itulah kampung berkenaan bertanah merah hingga kehari ini. Di samping itu, hanya Kampung Terentang sahaja mempunyai tanah yang berwarna merah berbanding dengan kampung-kampung yang terdapat di Mukim Hulu Jempol.

Setelah itu, mayat Jempol ditanamkan di suatu kawasan yang berlurah iaitu di hulu anak sungai berhampiran dengan masjid Kariah Terentang. Dikatakan juga, kawasan tempat Jempol dikebumikan ini 'berpenunggu' hingga kehari ini. Disebabkan peristiwa tersebut, Orang-orang Asli telah berpindah ke hulu sungai yang kini di panggil perkampungan Orang Asli di Kampung Guntor, Tengkek. Namun, sebelum meninggalkan Kampung Leban Condong, Orang Asli

telah menukarkan nama Leban Condong kepada nama baru iaitu Jempol sempena nama anak Datok Batin yang mati di ranjau.¹⁶

Selain itu, terdapat satu lagi cerita walaupun di tempat yang sama iaitu di Leban Condong. Cerita ini mengisahkan seorang gadis yang bernama Jampu merupakan anak kepada Orang Asli iaitu To' Batin di Ulu Jempol yang bernama To'Pileh. Kisahnya bermula apabila salah seorang pemuda dari Kampung Terentang iaitu sekitar kawasan Leban Condong telah berjaya menawan hati Jampu. Akibatnya pemuda-pemuda lain merasa iri hati dan menaruh dendam kerana tidak berjaya mendapatkan Jampu yang cantik jelita sebagai isteri mereka. Dengan itu, salah seorang daripada pemuda tersebut telah menyebarkan fitnah. Kononnya Jampu telah melakukan perbuatan sumbang.

To'Batin Pileh selaku ketua di kawasan tersebut, terpaksa menjatuhkan hukuman terhadap anak gadisnya. Tanpa usul periksa, To'Batin Pileh menjatuhkan hukuman terhadap Jampu dengan terjun ke dalam sungai yang telah disediakan dengan ranjau buluh runcing. Jampu ingin membuktikan bahawa dirinya tidak bersalah lalu terjun ke dalam sungai yang telah dicancangkan ranjau buluh runcing di situ. Namun begitu terdapat satu cerita yang mengatakan bahawa Jampu dijatuhkan hukuman bunuh dan cara pembunuhannya pula ditentukan iaitu dengan disula di hujung pasir kemudian mayatnya telah dicampakkan ke dalam sungai.¹⁷

Sebaik sahaja tubuhnya jatuh ke atas ranjau yang disediakan, darahnya memercik hingga ke tebing sungai. Di tempat darahnya memercik itu, dipercayai

¹⁶ *ibid*, hlm.14

¹⁷ Wan Sharifah bt. Wan Ghani, Luak Tanah Mengandung, *Budaya Negeri*, Negeri Sembilan, 1991 hlm. 15.

hingga sekarang tidak di tumbuh rumpun atau pokok-pokok. Sementara darah dari tubuhnya pula mengalir di sepanjang sungai hingga sampai ke kuala dan masuk ke Sungai Muar. Namun begitu terdapat satu cerita yang mengatakan bahawa Jampu di jatuhkan hukuman bunuh dan cara pembunuhannya pula ditentukan iaitu dengan disula di hujung pasir kemudian mayatnya telah dicampakkan ke dalam sungai.¹⁸

Manakala To'Batin Pileh setelah mengetahui bahawa anak gadisnya dianiaya oleh pemuda-pemuda yang iri hati dan didapati tidak bersalah, maka bagi mengingati kejujuran Jampu beliau menamakan sungai berkenaan sebagai Sungai Jampu. Di samping itu, sungai di tempat darah Jampu mengalir iaitu daripada hulu hingga ke kuala adalah merupakan tempat Jampu mandi manda bersama kawan-kawannya iaitu di Leban Condong. Semenjak itulah nama Jempol dikenali sebagai Jampu. Lama kelamaan Jampu disebut oleh orang ramai sebagai Jempol.

Sungai Jempol yang terdapat di daerah Jempol turut di namakan sempena dengan nama anak gadis To'Batin di Ulu Jempol. Jempol, selain daripada terdapatnya peristiwa-peristiwa yang diceritakan oleh orang-orang tua, berlaku juga sejarah semasa zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka iaitu pada kurun ke-15. Penarikan yang terletak di Kuala Sungai Jempol merupakan jalan perdagangan terpenting di antara negeri Melaka dan Pahang. Ini kerana, kira-kira setengah batu dari Sungai Muar terdapat pula Sungai Serting yang mengalir masuk ke Sungai Pahang. Melalui jalan inilah, para pedagang dari Melaka akan mudik ke Sungai Muar dan kemudiannya merentas jalan darat pula setelah sampai ke Penarikan. Setelah itu, mereka akan turun ke Sungai Serting dan menghilir ke Sungai Pahang.

¹⁸ Ibid.

Seterusnya nama Jempol yang diambil daripada nama seorang perempuan berketurunan Minangkabau. Kedatangan perantau dari Alam Minangkabau bertali arus dan bersusul-susulan datang ke Negeri Sembilan. Termasuklah juga satu keluarga dari seberang lalu berhijrah dan meneroka di Kampung Majau. Nasib keluarga ini agak malang, kerana selepas menyediakan perkampungan mereka kedua suami isteri ini telah jatuh sakit lalu meninggal dunia. Pasangan suami isteri tersebut telah meninggalkan seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan yang sedang meningkat remaja.

Kemudian kedua orang beradik ini, telah dijaga oleh bapa saudaranya yang terlebih dahulu menetap di tepi Danau Rasau iaitu di Kampung Pus dalam Kariah Tengkek. Dengan itu tinggallah mereka dalam peliharaan bapa saudara mereka sehingga dewasa. Setelah dewasa, kecantikan anak perempuan tersebut tiada tandingan pada ketika itu. Tentu ada pemuda yang ingin mengahwininya dan dalam senyap-senyap sigadis mempunyai kekasih. Pada ketika itu, seperti yang kita sedia maklum, pergaulan bebas adalah suatu perkara yang menjolok mata dan merupakan perbuatan yang sumbang. Dengan itulah menyebabkan mereka bercinta tanpa diketahui oleh sesiapa pun.

Percintaan sulit mereka ini tidak sampai kepenghujungnya apabila didapati kekasih gadis ini telah menodainya hingga mengandung. Apabila mengetahui perkara tersebut, abangnya terpaksa bertindak di luar batas peri kemanusiaan bagi mengelakan dari menanggung malu. Pada suatu malam, semasa hujan turun dengan lebatnya, tanpa pengetahuan sesiapa dia telah membawa adiknya lalu terus membunuh adiknya. Mayat adiknya dihanyutkan ke dalam sungai, manakala abangnya pula terus menghilangkan diri bagi menjaga maruah.

Pada keesokan harinya, penduduk setempat yang kebiasaannya menggunakan sungai sebagai tempat untuk mandi telah menjadi gempar apabila melihat mayat seorang gadis dihiliri oleh arus deras. Kebetulan pada masa itu, sungai tersebut tidak mempunyai nama, maka mereka menamakannya Jempol sempena nama gadis yang amat cantik itu. Bagi mengingati tragedi yang tidak diduga itu, mereka menukarkan nama Danau Rasau kepada nama baru iaitu Jempol hingga sekarang ini.¹⁹

Di samping itu, terdapat juga cerita yang berbeza daripada cerita-cerita yang telah diceritakan. Ceritanya bermula terdapat satu rombongan yang seramai sembilan orang sahabat karib bersama-sama dengan ahli keluarga serta anak-anak buahnya telah berhijrah dari Negeri Sumatera iaitu dari Banjaran Gunung Berapi di perkampungan Kerinci. Mereka berhijrah dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain untuk mencari kawasan yang subur serta sesuai dijadikan sebagai petempatan. Setelah menjumpai kawasan yang dimaksudkan tersebut iaitu Merbau Seratus, mereka ingin lagi mencari dan berhijrah kekawasan yang lain.

Bagi mencapai hasrat tersebut mereka meminta kebenaran daripada Ketua Besar mereka untuk keluar berhijrah kekawasan yang lain. Kemudian keluarlah mereka berhijrah dengan mudik ke hulu sungai hingga sampai ke Kuala Sungai Jelai dan mereka berpecah. Ada yang tinggal disitu dan ada yang meneruskan mudik hingga ke Johol serta ada juga yang menggunakan jalan darat hingga sampai ke Bera Pahang. Mereka yang berjalan hingga ke Bera Pahang ini turut juga berpecah dengan satu kumpulan menggunakan jalan sungai. Apabila sampai di satu kuala sungai, ketua mereka mengarahkan anak buahnya keluar untuk meninjau kawasan sekitarnya. Setelah setengah hari anak buahnya keluar maka,

¹⁹ ibid hlm 15.

didapatinya kawasan di sebelah huku itu sangat jempol untuk dijadikan ladang dan sawah serta kawasan perkampungan. Dengan itu ketua tersebut menjadikan kawasan tersebut sebagai petempatan mereka dan diberi nama sebagai Jempol dan sungainya juga turut dinamakan dengan nama Sungai Jempol.

Di samping itu, penulis juga turut menemui satu cerita yang berbeza. Menurut cerita tersebut, sebelum tempat tersebut dikenali sebagai Jempol, ia lebih dikenali sebagai nama Penarikan. Kedudukan kampung tersebut adalah amat sesuai untuk dilakukan aktiviti bercucuk tanam. Manakala penduduk-penduduknya pula lebuhih tertumpu di tepi-tepi Sungai Ulu Jempol hingga ke Jempol. Dengan keadaan tanahnya yang subur itu dan sesuai untuk dijadikan sebagai kampung halaman telah menjadi daya penarik kepada orang-orang yang tinggal berhampiran dengan kampung tersebut untuk berhijrah beramai-ramai dan menetap disitu. Semakin hari, semakin ramai yang tertarik untuk meneroka dan berpindah ke kawasan tersebut. Berdasarkan keadaan inilah yang menyebabkan mereka menamakan kampung tersebut dengan nama Penarikan yang mempunyai daya penariknya tersendiri.²⁰

Kemudian diceritakan pula bagaimana pula nama Penarikan bertukar dan dikenali sebagai Jempol. Ceritanya hampir sama dengan cerita yang ditulis oleh A. Samad Idris, Abdul Muluk Daud, Haji Muhd Tainu dan Norhalim Hj. Ibrahim yang diterbitkan pada tahun 1994 di Muzium Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Sembilan. Namun terdapat juga sedikit perbezaan, iaitu nama anak gadis Tok Pileh adalah Jempo bukannya Jampu seperti yang ditulis oleh A. Samad Idris dan rakan-rakannya.

²⁰ ibid.

Melalui cerita-cerita yang telah di tulis ini, maka penulis dapati kesemua cerita-cerita tersebut adalah diperolehi dari cerita lisan daripada orang-orang tua tempatan. Kemungkinan semua cerita tersebut hanyalah khayalan sahaja dan tidak wujud sebenarnya, namun itulah yang kita dengar tentang nama asal-usul Jempol pada hari ini. Penulis juga tidak menafikan bahawa melalui cerita-cerita berkenaan ada juga kaitannya dengan bagaimana caranya Jempol memperolehi namanya.

Penulis bersetuju dengan pendapat penulis A. Rahim b. Haji Ismail dalam karyanya yang bertajuk *Sebelum Jempol Bernama Jempol*, kerana menjadi kelaziman kepada setiap masyarakat dalam mencari nama tempat, kampung, taman dan sebagainya adalah diabadikan dari nama orang, nama pokok, rupa bentuk muka bumi, nama haiwan, nama-nama suku yang terdapat dalam Adat Perpatih dan sebagainya.²¹ Contohnya pokok melaka telah diabadikan sebagai nama kepada negeri Melaka. Dengan itu, kekallah nama Jempol hingga kehari ini bersempena untuk mengenang segala peristiwa yang berlaku dikawasan tersebut.

2.3 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, penulis mendapati bahawa nama asal-usul bagi Jempol mempunyai nilai-nilai tradisi yang kaya dengan simbolik dan mungkin hanya cerita khayalan sahaja. Ini kerana menjadi tradisi setiap masyarakat apabila ingin menamakan sesebuah kawasan yang menjadi penempatan mereka. Mereka sering menggunakan nama orang, nama pokok, rupa bentuk muka bumi, nama haiwan


²¹ A.Rahim bin Haji Ismail, *Sebelum Jempol Bernama Jempol*, *WARISAN*, 1990, Persatuan Sejarah Cawangan Negeri Sembilan, hlm.15.

dan sebagainya. Walau bagaimanapun, penulis tidaklah menafikan akan nama asal-usul Jempol yang telah diperolehi.


Penulis berpendapat bahawa kesemua nama-nama tersebut seperti Leban Condong, Danau Rasau, dan Penarikan adalah benar. Setiap penghujung cerita-cerita tersebut pasti akan diakhiri dengan meletakkan nama orang bagi penempatan tersebut iaitu Jempo, Jampu dan Jempol. Nama-nama sebelum wujudnya nama Jempol ini dianggap benar oleh penulis, kerana kesemua nama tersebut merupakan tempat yang terdapat di Jempol kini. Hal ini terbukti dengan adanya sumber-sumber bertulis yang diperolehi oleh penulis.

LAMPIRAN


Panorama Alam Minangkabau



Masjid di Padang Panjang, Sumatera Barat.




Pemandangan Ngarai Sianok, di Bukit Tinggi, Sumatera Barat.



Jam Gadang, Bukittinggi, Sumatera Barat.



Istana Hinggap pada abad ke-17, bercirikan rumah Minangkabau.



Peta Sumatera



NEGERI SEMBILAN

Warta Kerajaan

DEUTERIUM IN REGIM FIDELITY

GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN, 1979

11 NOVEMBER 1979

No. 12
1979

29th November, 1979

11 NOV 1979

No. 12

11 NOV 1979

11 NOV 1979

Perkembangan ekonomi Negeri Sembilan telah menunjukkan kemajuan yang pesat. Sektor pertanian, khususnya kelapa sawit, telah menjadi tulang punggung ekonomi. Sektor perikanan juga berkembang pesat. Sektor industri dan perdagangan juga menunjukkan kemajuan yang pesat. Sektor pendidikan dan kesihatan juga menunjukkan kemajuan yang pesat.

Manajemen pembangunan Negeri Sembilan telah menunjukkan kemajuan yang pesat. Sektor pertanian, khususnya kelapa sawit, telah menjadi tulang punggung ekonomi. Sektor perikanan juga berkembang pesat. Sektor industri dan perdagangan juga menunjukkan kemajuan yang pesat. Sektor pendidikan dan kesihatan juga menunjukkan kemajuan yang pesat.

Perkembangan ekonomi Negeri Sembilan telah menunjukkan kemajuan yang pesat. Sektor pertanian, khususnya kelapa sawit, telah menjadi tulang punggung ekonomi. Sektor perikanan juga berkembang pesat. Sektor industri dan perdagangan juga menunjukkan kemajuan yang pesat. Sektor pendidikan dan kesihatan juga menunjukkan kemajuan yang pesat.

11 NOV 1979

Perkembangan ekonomi Negeri Sembilan telah menunjukkan kemajuan yang pesat. Sektor pertanian, khususnya kelapa sawit, telah menjadi tulang punggung ekonomi. Sektor perikanan juga berkembang pesat. Sektor industri dan perdagangan juga menunjukkan kemajuan yang pesat. Sektor pendidikan dan kesihatan juga menunjukkan kemajuan yang pesat.

Perkembangan ekonomi Negeri Sembilan telah menunjukkan kemajuan yang pesat. Sektor pertanian, khususnya kelapa sawit, telah menjadi tulang punggung ekonomi. Sektor perikanan juga berkembang pesat. Sektor industri dan perdagangan juga menunjukkan kemajuan yang pesat. Sektor pendidikan dan kesihatan juga menunjukkan kemajuan yang pesat.

MOHD HOOR BIN OTHMAN
Menteri Besar Negeri Sembilan
11 November 1979

Warta Kerajaan Negeri Sembilan

SENARAI RUJUKAN

- A. Kadir Jasin. 2002. *Information Malaysia 2002*. Kuala Lumpur. Berita Publishing Sdn. Bhd.
- A. Samad Idris. 1968. *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur. Utusan Melayu.
- _____. 1990. *Payung Berkembang*. Kuala Lumpur. Pustaka Budiman.
- A. Samad Idris, Abdul Muluk Daud, Haji Muhd Tainu, Norhalim Hj. Ibrahim. 1994. *Negeri Sembilan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram Luak Tanah Mengandung*. Muzium Negeri, Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus.
- A. Samad Idris, Norhalim Hj Ibrahim, Muhd Tainu, Dharmala NS. 1994. *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram, Adat Merentas Zaman*. Negeri Sembilan. Jawatankuasa Penyelidik Budaya Negeri Sembilan.
- A. Rahim b. Hj. Ismail. 1990. Sebelum Jempol Bernama Jempol. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- Anwar Ibrahim. 1986. *Pakaian Adat Tradisional Daerah Sumatera Barat*. Padang. Department Pendidikan dan Kebudayaan Projek Inventerisasi dan Dokumentasi Kebudayaan Barat.
- Buyung Adil. 1981. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cheah Boon Kheng. 2001. *The Encyclopedia of Malaysia: Early Modern History*

1800-1940. Singapore. Archipelago Press an imprint of Editions Didier Miller Pte. Ltd.

Dato' Komo Hj. Duaji bin Bakar. *Sejarah Luak Jempol dan Adat Istiadatnya*. Negeri Sembilan. Jawatankuasa Penyelidik Budaya Negeri Sembilan.

Gullick J.M. 1920. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hj. Ismail bin Abdul Hadi. 2004. *Peralatan Muzik Tradisional*. Koleksi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

L. Martin. 1987. *The Negri Sembilan Their Origin and Constiution*. JSBRAS VOL. XIV.

_____. 1887. *The Negri Sembilan*, JSBRAS. Vol xix.

Lokman Abdul Samad. 2003. *Pemartabat Tamadun Bangsa*. Dewan Budaya. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Md. Darus Hj. Abdul Manaf. 2002. *Teratak Za' ba: Lambang Warisan Kesarjanaan*. Jendela Warisan. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

Mochtar Naim, Hasan Basri Durin, Emil Salim, Alfian Arbie Taufik Abdullah, Chairol Harun, Yoesuf Scuyb, Usman Pelly. 1984. *Minangkabau Minangrantau*. Jakarta. Penerbit Madju.

- Mohd Hisa Tahat. 1987. Sejarah Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- Muhammad bin Hj. Mahyuddin. 1996. *Koleksi di Masjid-masjid Negeri Sembilan*. Penerbit Bahagian Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.
- Nathan. J.E. dan Wnstedt. R.O. 1920. *Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir and Terachi. Papers on Malay Subjects*. Culcutta Federated Malay States.
- Negeri Sembilan. 1979. Akta Tanah Negara. *Warta Kerajaan Negeri Sembilan*.
- Noone. H.D. 1939. *The Penarikan and Bernam Land Routes*. JMBRAS. VOL XIX.
- Nordin Selat. 1976. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur. Utusan Melayu Malaysia Bhd.
- Norizan Hj. Ayang. 2001. Skrip Drama: Sepintas Llu Jalan Penarikan Lagenda Sejarah Melayu. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1989. Sistem Masyarakat Negeri Sembilan. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- _____. 1995. *Negeri yang Sembilan*. Shah Alam. Fajar Bakti.
- Norhalim bin Hj. Ibrahim dan Jamaludin bin Samsudin. 1998. Jalan Penarikan Laluan Sejarah Di Jempol. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

- Norleila Ismail. 1993. *Sistem Politik dan Pengaruh Kebudayaan Minangkabau Negeri Sembilan. Studi Kasus Pemerintahan Tunku Mohamad (1898-1933)*. Padang. Fakultas Sastra Universitas Andalas.
- Rahimi. 1998. Negeri Sembilan. Asal-Usul Nama-nama Kampung dalam Mukim Ulu Jempol di Daerah Kuala Pilah. *WARISAN*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
1975. *Sejarah Sekolah-sekolah di Negeri Sembilan 1870-1974*, Kementerian Pelajaran Malaysia. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.
- Sharifa Khan, Khoo Kay Kim. 1986. *The Making of Modern Negeri Sembilan 1874-1898*. Taman Seni Budaya Negeri Sembilan.
- Sheehan J.J dan Abdul Aziz b. Khamis. *Adat Kuala Pilah*. JMBRAS.vol xix.
- Syed Alwi b. Sheikh Al-Hadi. 1965. *Adat Resam Melayu dan Adat Istiadat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Anuar b. T. Dalam. 1997. *Asas-asas Kenegaraan Malaysia*. Kuala Lumpur. Al-Azim Sdn. Bhd.
- Wan Sharifah bt. Wan Ghani. 1991. *Luak Tanah Mangandung*. Budaya Negeri. Negeri Sembilan.
- Winsted R.O. 1961. *The Malay, A Cultural History*. London. Routledge & Kegan Paul Ltd.